



KEMATANGAN PERSONALITI

Pendahuluan

Ramai dikalangan kita yang sering mendengar perkataan tersebut, namun kemungkinan besar ramai juga yang membuat salah pentafrisan tentang maksud 'Personaliti'. Menerusi pengalaman saya sendiri baik melalui pembacaan dan juga mendengar secara langsung dari perbualan individu saya dapati terdapat beberapa pentafrisan 'Personaliti' yang tidak tepat. Contohnya, " Aku tak suka kat dia kerana tiada personaliti " ataupun " Kita seharusnya ada personaliti jika mahu berjaya ". Jika kita memikirkan sedutan ringkas perbualan tadi adalah jelas menunjukkan bahawa personaliti hanya dikaitkan dengan sikap yang positif semata-mata. Adakah ini benar?. Bagaimana pula dengan individu yang bersifat negatif adakah mereka tidak berpersonaliti?. Justeru dalam artikel ini saya akan membicarakan apakah maksud sebenar personaliti, adakah personaliti individu itu boleh berubah dan bagaimana cara seseorang individu membina kematangan personaliti. Apa yang jelas, hasil dari pemahaman ini, anda akan dapat menstrukturkan diri semula untuk menjalankan tugas kita di mukabumi ini sebagai Khalifah yang mahir berhubungan baik dengan manusia dan ikhlas berhubungan dengan Allah SWT.

Apa Itu Personaliti

Menurut Sigelman dan Shaffer (1995), personaliti dapatlah didefinisikan sebagai satu gabungan sikap individu seperti nilai, motif, dan pelbagai watak yang agak unik terdapat pada seseorang itu. Manakala menurut Nik Azis Nik Pa (1995), perkataan personaliti adalah berasal dari perkataan latin iaitu Personalis yang bermaksud identiti peribadi, keindividuan atau kualiti yang membentuk seseorang itu. Dari usul perkataan tersebut, personaliti menggambarkan sifat-sifat keperibadian seseorang individu yang boleh membezakannya daripada orang lain. Sifat keperibadian ini termasuklah gaya hidup, harapan, kepercayaan, motif, nilai, pemikiran, perasaan, budi pekerti, persepsi, sikap, tabiat dan watak seseorang. Menurut Carver dan Scheir (dalam Nik Azis Nik Pa, 1995) tiga ciri utama personaliti ialah keunikan (tidak ada dua orang yang mempunyai personaliti yang serupa), kebolehsuaian (personaliti yang boleh berubah) dan organisasi (personaliti yang bukan sekadar satu himpunan tingkah laku, tetapi ia membabitkan tindakan dan operasi yang agak konsisten). Justeru dapatlah dirumuskan personaliti merupakan penonjolan sifat-sifat jasmani, emosi (afektif), rohani, intelek (kognitif) dan sosial seseorang individu.

Menurut John Holland (dalam Mhd. Mansor Abdullah, 1993), telah mengaitkan personaliti individu dengan kepuasan kerjaya. Ini bermakna, jika seseorang

individu itu memilih kerjaya yang tidak sesuai dengan personalitinya maka tidak akan dapat menunjukkan prestasi kerja yang cemerlang. Di antara enam jenis personaliti tersebut ialah;

i. Realistik

Individu yang berpersonaliti realistik adalah bersifat agresif, suka kepada sesuatu yang konkrit berbanding dengan kerja yang abstrak, kurang bergaul, lemah dalam interaksi (Interpersonal skills). Justeru, mereka lebih senang menggunakan emel dari bersemuka dan lebih banyak mendiamkan diri. Jenis kerja yang sesuai dengan mereka ialah jurutera, juruteknik, kerja-kerja mahir seperti pemasangan paip air, operator mesin dan pelbagai jenis kerja yang bersifat kemahiran teknikal.

ii. Selidik (Investigatif)

Gaya peribadi individu yang berpersonaliti investigatif ialah bersifat intelektual, abstrak, suka membuat analisis, lebih berorientasikan tugas, kadang kala radikal dan juga lemah dalam berkomunikasi dan bergaul. Jenis kerja yang sesuai dengan mereka ialah ahli sains, doktor, perancang komputer, pekerja elektronik dan apa jua jenis kerja yang melibatkan IT.

iii. Seni (Arts)

Kebiasaannya mereka yang berpersonaliti seni adalah bersifat imaginatif, terbuka, tidak suka terkongkong dan suka mengekspresikan diri terutamanya melalui seni. Namun kadang kala bersifat sensitif, tidak mudah menerima kritikan dan suka dipuji. Jenis kerja yang sesuai dengan mereka ialah penyanyi, pelakon, pelukis, pengukir, penari dan segala macam jenis pekerjaan yang melibatkan kesenian.

iv. Sosial

Golongan yang berpersonaliti sebegini amat sukakan interaksi sosial, suka ambil tahu masalah sosial, agama dan masyarakat serta pandai bergaul. Jenis pekerjaan yang sesuai dengan mereka ialah dalam bidang pendidikan, kerja kebajikan, kaunselor, ahli sosiologi dan sebagainya lagi.

v. Usaha (Enterprising)

Gaya peribadi individu yang berpersonaliti usaha ialah suka merantau, sukakan kepimpinan, kadangkala dominan, pandai memujuk dan mempengaruhi dan bijak menggunakan kemahiran lisan. Jenis pekerjaan yang sesuai ialah pengurus, jurujual, ejen insurans, ahli politik dan sebagainya lagi.

vi. Konvensional

Golongan yang berpersonaliti begini begitu praktikal, menjalankan tugas dengan teratur, berminat kepada kerja yang rutin, kadang kala tidak sukakan cabaran, buat kerja berpandukan arahan dan kurang kreatif dan kritis. Jenis pekerjaan yang sesuai dengan mereka ialah perkeranian, setiausaha dan sebagainya lagi.

Berdasarkan kepada perbincangan enam jenis personaliti di atas perlu diingatkan ianya bukan bersifat total. Ini kerana setiap individu mempunyai hubungkait dengan beberapa jenis personaliti yang lain. Contohnya personaliti sosial ada hubungkait dengan personaliti usaha dan seni. Begitu juga dengan personaliti realistik yang mempunyai hubungkait dengan personaliti selidik dan konvensional. Justeru individu yang matang ialah individu yang tidak rigid kepada watak-watak dalam satu personaliti semata-mata sebaliknya perlu belajar kemahiran pelbagai watak agar kita lebih disenangi dan didampingi.

Perlukah Personaliti Diubah?

Berdasarkan kepada jenis-jenis personaliti di atas tentunya anda sudah boleh mengklasifikasikan gaya peribadi personaliti anda. Namun demikian ada juga di kalangan kita yang menganggap ianya tidak berkenaan dengan diri mereka. Walau apapun, sedikit sebanyak tentunya watak-watak tersebut terdapat dalam diri kita. Pada umumnya, penting kita mengetahui enam jenis personaliti tersebut adalah untuk muhasabah diri dan juga mengenali watak-watak orang lain. Sebagai contoh, anda mempunyai rakan, kerjayanya Jurutera di mana gaya peribadinya kurang minat bergaul, tidak bijak berkomunikasi serta tidak minat kepada perkara-perkara yang tidak bersandarkan fakta. Justeru apa tindakan anda? Tentunya untuk rapat dengan dia anda mestilah bersabar dengan sikapnya yang tidak pandai berkomunikasi, payah untuk diajak berborak dan tidak suka kepada cerita yang remeh-temeh. Manakala jika anda jurutera dan anda telah menyedari sebahagian sikap anda adalah seperti yang dinyatakan tentunya anda harus membuat pilihan sama ada ingin kekal dengan sikap sedemikian atau sebaliknya. Kalau anda fikir perlu kekalkan anda perlulah terima akibat di mana suatu masa nanti rakan anda sudah tidak sabar lagi dengan sikap anda dan tentunya akan tinggalkan anda. Kalau anda hendak berubah sikap anda pula adakah ianya mengganggu keselesaan privacy hidup anda. Justeru, kita harus bijak membuat pilihan.

Begitu juga dengan personaliti seni. Jika kita ada rakan yang sedemikian, kita perlulah sentiasa berhati-hati takut dia mudah kecil hati dan sentiasa memuji-muji agar dia rasa senang hati. Manakala jika kita pula sedar bahawa dalam diri kita ada watak-watak demikian adakah perlu kita teruskan atau kekalkan. Walau apapun keputusan kita ianya tetap akan meninggalkan kesan sama ada sedikit ataupun banyak.

Bersandarkan kepada perbincangan tadi, di mana pula letaknya sifat telus atau transparans. Nampaknya jika kita memprojeikkan watak yang bukan watak kita sendiri tetapi demi keperluan dan tuntutan orang lain tentunya menunjukkan sifat kita

yang palsu, samar atau 'camouflage'. Jadi ada di kalangan kita tentunya tidak selesa bukan? Bagi memudahkan perbincangan marilah kita mengambil contoh situasi di bawah;

Rita (bukan nama sebenar) merupakan seorang Jurutera Komputer. Beliau dilahirkan dalam latarbelakang keluarga yang agak kaya di mana ayahnya seorang doktor dan ibunya seorang Akauntan dan menetap di bandar Kuala Lumpur. Beliau hanya ada tiga beradik sahaja dan beliau adalah anak bongsu. Ditakdirkan beliau berkahwin dengan seorang guru dan suaminya pula berasal dari kampung di mana mempunyai enam adik beradik. Suaminya adalah anak sulung dan menjadi harapan untuk membantu keluarga.

Jika kita menganalisis gaya peribadi Rita berdasarkan jenis personaliti Realistik dan juga Investigatif didapati beliau kurang minat bergaul dan lebih suka bersifat privacy. Bila balik ke kampung sifatnya cukup pendiam dan cukup marah jika privacynya diganggu. Suaminya cukup faham dengan sikapnya, namun sebaliknya berlaku kepada ahli keluarga suaminya. Akibatnya Rita dituduh sombong, pentingkan status, payah dibawa berunding dan pelbagai tohmahan negatif dilemparkan kepadanya. Persoalannya adakah Rita perlu kekalkan gaya peribadinya demi prinsip personaliti dirinya atau sebaliknya. Justeru di sinilah letaknya kematangan personaliti iaitu kebolehsuaian.

Membina Kematangan Personaliti

Secara prinsipnya, bukan mudah untuk kita berubah ataupun menyesuaikan diri dengan sesuatu situasi yang baru. Menurut Sayid Sabiq (dalam Nik Azis Nik Pa, 1995), terdapat tujuh kekuatan asas yang perlu dikuasai oleh setiap individu secara bersepadu bagi membolehkannya membentuk personaliti yang matang;

a. Kekuatan akidah:

Keimanan yang tulen kepada Allah akan melahirkan ketenangan jiwa dan kewarasan fikiran. Begitu juga kepercayaan yang teguh kepada ajaran Islam dapat menghapuskan kepalsuan daripada akal dan kepura-puraan dari jiwa manusia.

b. Kekuatan ilmu:

Ilmu pengetahuan merupakan penegak peribadi manusia dan penyingkap hakikat kewujudan sesuatu benda atau perkara dalam alam nyata dan alam ghaib. Ilmu adalah cahaya yang menerangi perjalanan hidup manusia.

c. Kekuatan budi pekerti:

Budi pekerti yang baik membolehkan pengembangan sifat-sifat mulia seperti bersopan santun, pemaaf penyayang, suka menolong dan beradab dalam melaksanakan tanggungjawab hidup.

d. Kekuatan ekonomi:

Mengambil kemanfaatan daripada sumber

alam. Dengan sumber kewangan yang kukuh, individu bebas daripada kebergantungan ekonomi.

e. Kekuatan ikatan masyarakat:

Bersedia memberikan kerjasama, beretika dalam pergaulan dan saling hormat menghormati demi kebaikan masyarakat.

f. Kekuatan suasana perdamaian:

Mengutamakan keadilan dalam setiap tindakan, jujur dalam setiap usaha, simpati kepada kesusahan orang lain dan amanah dalam menjalankan tugas demi mewujudkan suasana hidup yang damai dan merdeka.

g. Kekuatan jihad:

Kesanggupan untuk mengorbankan masa, tenaga dan wang bagi mengembangkan kebenaran dan menghapuskan kepalsuan.

Berdasarkan kepada kenyataan di atas, nampaknya agak sukar untuk kita berubah seandainya beberapa kekuatan asas tersebut tidak dikuasai. Namun perlu diingatkan, sampai bila kita hendak mengekalkan sikap kita yang pentingkan diri sendiri, egois, suka pandang rendah pada orang lain dan pelbagai sifat yang tidak elok membaluti diri kita. Persoalannya kita tahu atau tidak sikap itu terdapat dalam diri kita?

Kebiasaannya manusia mana yang hendak mengaku diri mereka lemah, salah, tidak faham dan pelbagai macam kerenah yang tidak elok. Cuba renung diri kita sejenak, benarkah diri kita begitu?

Jika benar, apakah tindakan kita untuk memperbetulkan dan jika tidak adakah kita telah benar-benar membuat penilaian ikhlas terhadap diri kita?. Menurut Imam Al-Ghazali, kematangan diri seseorang berdasarkan sejauhmana mereka dapat seimbangkan corak pemikiran dan menguruskan perasaan mereka. Bagaimana melakukannya? tentunya kita perlukan bersandar kepada ilmu. Ilmu ini luas, jahil dan kerdillah seseorang itu yang hanya bijak dalam satu ilmu mula menonjolkan diri sebagai yang terulung dan terunggul. Justeru, selain ilmu yang bersifat profesional dan konvensional kita juga perlukan ilmu untuk berhubungan baik dengan Allah swt dan berhubungan baik dengan manusia. Oleh kerana itulah Islam sentiasa menyeru agar penganutnya sentiasa bermuhasabah diri demi mengenali diri sendiri. Pakar psikologi juga menggalakkan setiap individu berusaha untuk mencapai kesedaran sendiri demi kecemerlangan diri dan masyarakat.

Apabila kita menyebut berusaha adakah ianya ada titik noktah?. Apa yang jelas, berusaha untuk memperbaiki diri adalah tamat apabila nafas kita tidak lagi memenuhi paru-paru, apabila jasad dan roh bercerai dan apabila kita beralih dari alam dunia ke alam barzakh. Justeru, kalau tidak banyakpun mulalah berusaha dengan sedikit dahulu untuk merubah gaya

personaliti kita. Sebagai contoh, carilah kawan yang benar-benar ikhlas menegur kesilapan kita, belajarlah menghormati keupayaan orang lain dan tanamkan dalam diri bahawa kehebatan kita selama ini adalah pinjaman dari Allah dan bersifat sementara. Ingatlah Allah akan ambil balik apa yang dipinjamkan jika kita tidak bersyukur.

Penutup

Jika kita hanya melihat diri kita dalam ruang lingkup peribadi tentunya kita tidak akan kemana. Sebaliknya kita hanya berkokok dalam tempurung kelapa sahaja sedangkan masyarakat sekitar tidak sedar pun akan kokokan kita. Justeru, membuka diri kita kepada masyarakat bukannya bermakna kita menjadi pengikut, sebaliknya kita akan jadi sebahagian daripada penyumbang kepada keharmonian, kesepakatan dan ketenteraman. Untuk itu, berubahlah demi kepentingan diri dan perpaduan masyarakat. Wassalam

Rujukan

1. Carol K. Sigelman & David R. Shaffer (1995). Life Span Human Development. California: Brooks/Cole Publishing Company.
2. Nik Azis Nik Pa (1995). Kearah Pembentukan Personaliti Yang Matang: Satu Analisis Dari Perspektif Bersepadu. Masalah Pendidikan, Jilid 19, (43-63).
3. Muhd. Mansor Abdullah (2000). Kaunseling, Teori, Proses dan Kaedah. Kuala Lumpur: Fajar Bakti Sdn. Bhd.

Sumbangan oleh;

Hj Huzili Hj Hussin
Timbalan Dekan
Pusat Kemahiran Komunikasi dan
Keusahawanan
KUKUM.

